

# DBKL kenal pasti lokasi baharu kuil



Maimunah (dua dari kanan) ketika lawatan beliau ke Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman pada Khamis.

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berperanan menjadi pemudah cara dalam memastikan urusan perpindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India yang terletak di atas tanah swasta ke lokasi baharu diselesaikan dengan baik.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, selaku pihak yang diamanahkan oleh kerajaan, DBKL mengambil langkah proaktif untuk tampil membantu mencari jalan terbaik buat semua pihak terlibat.

"DBKL memberi jaminan bahawa setiap langkah yang sedang dan bakal diambil adalah selaras dengan prinsip kebebasan beragama seperti dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan," katanya kepada pemberita selepas melawat kuil berkenaan di sini pada Khamis.

Beliau berkata, pihaknya telah mengenal pasti lokasi baharu kuil berkenaan dan proses pemindahan akan dilakukan secara telus dan adil, membabitkan perbincangan dengan pihak berkepentingan bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

"DBKL telah mengenal pasti lokasi baharu untuk pemindahan rumah ibadat terlibat bagi memastikan penganut Hindu dapat terus menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan mereka dengan selesa dan harmoni," katanya.

Maimunah berkata, DBKL mengambil maklum cadangan pembinaan sebuah masjid di atas tanah milik sebuah syarikat swasta yang terletak di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur iaitu lokasi sama terletak sebahagian kecil kuil berkenaan.

Beliau berkata, projek itu juga merupakan cadangan oleh syarikat swasta berkenaan selaku pemilik tanah yang sah dan bukan daripada pihak kerajaan.

Ditanya mengenai jangkaan tempoh masa untuk proses pemindahan rumah ibadat itu, Maimunah berkata, pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan.

"Kita akan ambil masa dan akan mendapatkan lokasi yang dipersetujui oleh dua pihak," katanya.

Maimunah dalam pada itu turut menyeru kepada semua pihak untuk terus mengekalkan keharmonian serta menghormati kepelbagaian agama di negara ini.

Sementara itu, Pengerusi Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman, K Barthiban berkata, pihaknya bersedia memberi kerjasama dalam perbincangan dengan pihak DBKL berhubung proses pemindahan rumah ibadat itu.

Untuk rekod, Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman yang terletak berhampiran Jakel Mall berhampiran Jalan Masjid India dibina pada akhir abad ke-19 dan kini wujud di antara bangunan pencakar langit di kawasan tersebut.

Difahamkan, tanah yang diduduki kuil itu dijual kepada sebuah syarikat swasta yang turut memiliki sebuah pusat beli-belah di kawasan sama.

DBKL memaklumkan, pihaknya tidak akan melakukan sebarang aktiviti perobohan struktur kuil di tapak tersebut dan ia boleh beroperasi seperti biasa sehingga proses pemindahan selesai.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut memberi jaminan bahawa setiap langkah yang sedang dan bakal diambil selaras dengan prinsip kebebasan beragama seperti dijamin Perlembagaan Persekutuan.